



# برينا موزيوم

## BERITA MUZIUM

JILID 14 BIL 1

JAN-MAC 1992





Dengan Ingatan Muhibah daripada  
Pengarah Muzium-Muzium  
Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan  
Negara Brunei Darussalam

**Pengarah**  
Hj Matussin bin Omar

**Timbalan Pengarah**  
Pg Hj Hashim bin Pg Hj Mohd Jadid

**Ketua Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei**  
Hj Mustafa bin Hj Ahmad

**Pmk Kurator Ilmu Kejadian**  
Dr Marina Wong

**Kurator Etnografi**  
Bantong bin Antaran

**Kurator Arkeologi**  
Pg Karim bin Pg Osman

**Kurator Arkib**  
Pg Omarali bin Pg Anak Hashim

**Ketua Perpustakaan**  
Fatimah binti Hj Aji

**Pmk Kurator Pameran**  
Hj Abd Rahim bin Hj Ahmad

**Ketua Pegawai Muzium**  
Hj Mohd Hassan bin Hj Timbang

**Pegawai Perkhidmatan Pelajaran**  
Zainal bin Hj Md Daud

**Pegawai Penerbitan**  
Hj Mohd Hani bin Tengah



برينا موزيوم

**BERTA MUZIUM**

JLD 14 BL. 1

JAN - MAC 1992

## KANDONGAN

- 1 Catatan untuk pembaca
- 2 Lapuran Muzium Brunei Jan - Mac 1992
- 7 Perkhidmatan dan Kemudahan
- 9 Koleksi
- 11 Lawatan
- 12 Liputan Khas
- 13 Kegiatan Kerja Bahagian-Bahagian
- 15 Dari Fail Penyelidikan  
Penelitian Awal Tapak Arkeologi  
di Pusat Penyelidikan rainforest,  
UBD - Royal Geographical Society,  
Kuala Belalong Ulu Temburong
- Bantong Antaran dan Pg Karim Pg Osman
- 19 Dari Meja Persidangan  
Lapuran Ringkas Bengkel dan  
Seminar Tekstil Asian Hertiage  
di Chiang Mai, Thailand
- catatan Hj Mustafa Hj Ahmad
- 22 Rencana  
Undang-undang Penyerahan
- Fatimah Hj Aji
- 26 Sepintas Lalu
- 27 Kenang Dikenang Dilupa Jangan
- 28 Sudut Pandangan

Urusan Penerbitan/Penyusun  
Hj Mohd Hani Tengah

Penyelaras Stok dan Pengedaran  
Puting Hj Timbang  
Basni Moxsin  
Hashim Hj Masri

Gambar-gambar  
Morshidi Ghani dan Ahmad Damit  
Bahagian Pameran dan Perkhidmatan Teknik

---

Berita Muzium diterbitkan oleh Jabatan Muzium-muzium Brunei, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam. Tulisan-tulisan yang termuat dalam Berita tidak semestinya menggambarkan pendapat dan pandangan Muzium Brunei dan ianya tidak boleh dipetik atau disiarkan kembali tanpa kebenaran bertulis dari Pengarah Muzium-muzium dan penulis yang berkenaan.

(c) Muzium Brunei 1992  
Dicetak oleh Akbar Printer  
Negara Brunei Darussalam

### Hiasan Kulit

Contoh beberapa penerbitan yang diserahkan oleh jabatan-jabatan dan syarikat-syarikat swasta ke Jabatan Muzium-muzium Brunei. Keterangan lanjut sila rujuk rencana 'Undang-undang Penyerahan' di muka surat 22.

Gambar - Roslan Hj Jinin

## CATATAN UNTUK PEMBACA

Keluaran demi keluaran penerbitan Berita Muzium seringkali mengalami perubahan. Lantas ada yang terus membuat kesimpulan bahawa ia menggambarkan satu pendirian yang tidak tetap. Walau bagaimanapun selagi kita berpegang kepada satu tujuan bahawa perubahan itu semata-mata menghasratkan kebaikan justeru kita akan terus mencari dan merubah.

Keluhan perasaan terhadap seribu satu kekurangan tidak akan membawa ke satu penemuan yang kita harapkan selama ini. Apa yang perlu ialah kita harus berusaha sedaya mungkin bagi mencapai matlamat yang kita fikir boleh dilakukan. Cara berfikir positif merupakan satu kewajaran dalam menghadapi pelbagai masalah. Berita Muzium sejak mula diterbitkan tidak terkecuali dengan permasalahannya. Menyenaraikan satu persatu masalah tersebut tidaklah berguna sangat bukan kerana ianya terlalu banyak tetapi bila-bilapun ia akan berterusan dicap sebagai masalah. Oleh itu apa yang diharapkan dari saudara sekalian ialah sumbangan bukan hanya sekadar buah fikiran dan usulan membina tetapi tiada yang lebih bererti dari sumbangan berupa tulisan dan hasil kerja. Apa saja bentuk tulisan yang sama-sama kita fikirkan menarik dan sesuai akan diterima. Percayalah tidak ada tulisan yang akan ditolak kecuali tulisan yang tidak kena mengena dengan hal ehwal jabatan kita ini. Percayalah juga tanpa tulisan tiadalah juga Berita Muzium. Apa yang ada tentulah jilidan kertas putih yang sesuai dijadikan kertas conteng-conteng. Beres dan menarik tetapi masalah juga ya!

**Penyusun**

## LAPURAN MUZIUM BRUNEI JAN-MAC 1992

### Peruntukan Perbelanjaan

Pada tahun ini, Jabatan Muzium-muzium telah diperuntukkan perbelanjaan sebanyak \$8,967,048.00 berbanding dengan \$7,480,184.00 pada tahun 1991.

Pecahan peruntukan Perbelanjaan tahun ini adalah seperti berikut:

- 1 Muzium A (Ibu Pejabat)
    - Gaji kakitangan - \$3,932,106.00
    - Perbelanjaan tahunan yang berulang-ulang - \$1,529,640.00
    - Perbelanjaan khas - \$923,200.00
    - Jumlah - \$ 6,384,946.00
  
  - 2 Muzium B (Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan)
    - Gaji kakitangan - \$1,034,260.00
    - Perbelanjaan tahunan yang berulang-ulang - \$1,411,842.00
    - Perbelanjaan khas - \$ 136,000.00
    - Jumlah - \$2,582,102.00
- Jumlah besar - \$8,967,048.00

### Peruntukan Jawatan

- 1 Muzium A (Ibu Pejabat) - 266 jawatan
  
- 2 Muzium B (PLKPTB) - 65 jawatan  
Jumlah - 331 jawatan

Pada tahun ini, tiga (3) jawatan baharu jug telah diperuntukkan iaitu:

- 1 Penjadual Komputer (C3 EB4 atau C2 EB3) - 1 jawatan
- 2 Penjaga Keselamatan (D1 EB2) - 4 jawatan
- 3 Penolong Ketua Perpustakaan (C3-4 EB5) - 1 jawatan

### Hal Ehwal Pegawai dan Kakitangan

#### Lantikan jawatan

- 1 Hjh Sarinah Hj Abd Latif sebagai Pembantu Arkib pada 13 Januari 1992
- 2 Musa Hj Muktal sebagai Buruh bergaji hari pada 15 Januari 1992
- 3 Sari Tahir sebagai Pembantu Penjual pada 23 Januari 1992
- 4 Hjh Fatimah Hj Nasir sebagai Pembersih bergaji hari pada 5 Februari 1992

#### Lantikan memangku

- 1 Abd Razak POKPI Dato Setia Hj Md Taha, Pengawas Bengkel sebagai Pegawai Penghubung selama 3 bulan dari 11 Februari 1992 - 10 Mei 1992

- 2 Hj Abd Rahim Hj Besar, kerani Tkt 111 sebagai Kerani Tkt 11 selama 41 hari dari 9 Mac 1992 - 18 April 1992

#### **Lantikan menjalankan tugas**

- 1 Dato Paduka Hj Mohd Yassin Hj Metassim, Penyelia/Pengajar sebagai Ketua PLKPTB selama 10 hari dari 27 Januari - 5 Februari 1992 dan selama 27 hari dari 16 Mac - 11 April 1992
- 2 Zahari Hj Mohd Noor, Pegawai Penyelidik sebagai Pegawai Etnologi selama 10 hari dari 25 Februari - 5 Mac 1992 dan 7 hari dari 20 - 26 Mac 1992
- 3 Zaliha Hj Ibrahim, Pen Penyelia Arkib sebagai Kurator Arkib selama 11 hari dari 15 - 25 Januari 1992
- 4 Mohd Saidi Hj Hidup, Pegawai Muzuim sebagai Pegawai Pemuliharaan selama 6 bulan dari 1 Januari - 30 Jun 1992
- 5 Junainah Hj Shamsuddin, Pembantu Rekod sebagai Kerani sulit/ jurutaip selama 6 bulan dari 1 Januari - 30 Jun 1992
- 6 Pg Omarali Pg Anak Hashim, Kurator Arkib sebagai Timbalan Pengarah Muzium- muzium selama 5 hari pada 20 - 24 Januari 1992 dan selama 11 hari dari 26 Januari - 5 Februari 1992 dan selama 7 hari pada 20 - 26 Januari 1992
- 7 Mohd Zaini Hj Bagul, Penyelia Arkib sebagai Kurator Arkib selama 14 Hari dari 6 - 19 Februari 1992
- 8 Arbi Hj Tamin, Kerani Tkt 111 sebagai Tukang wang selama 18 hari dari 5 - 22 Februari 1992 dan selama 20 hari pada 2 - 21 Mac 1992

#### **Penetapan Jawatan**

- 1 Abd Rahman Ibrahim sebagai Ketua Attendan Dewan bermula dari 1 November 1989 (secara kebelakangan)
- 2 Osman Bakir sebagai Pelukis pada 3 Januari 1992
- 3 Hj Chuchu Hj Ahmad sebagai Kerani Tkt 111 pada 1 Februari 1992
- 4 Salleh Jihan sebagai Kerani Tkt 111 pada 1 Februari 1992
- 5 Zaidin Hj Jimbul sebagai Penyelenggara Stor Tkt 111 pada 1 Februari 1992

#### **Lanjutan tempoh Percubaan**

- 1 Omar Hj Ahmad, Kerani Tkt 111 mulai 4 Februari 1992

#### **Sambungan Perkhidmatan**

- 1 Dy Chuchu Mumin, Pembersih sehingga 31 Februari 1994
- 2 Hj Mohd Yusof Tengah, Tukang Kayu Tkt Khas sehingga 28 Februari 1993
- 3 Dk Noorhayanah Pg Hashim, Attendan Dewan sehingga 28 Februari 1994
- 4 Tirahmat Ahmad, Attendan Dewan sehingga 31 Mac 1994
- 5 Fatimah Hj Shamsuddin, Attendan Dewan sehingga 31 Mac 1994
- 6 Raini Hj Md Salleh, Pembantu Arkib Kanan sehingga 28 Februari 1995
- 7 Dk Junaidah Pg Hj Besar, Kerani Tkt 11 sehingga 31 Mac 1995

#### **Kenaikan pangkat dan pindah pejabat**

- 1 Latif Kamis, Penjaga sebagai Penjaga Keselamatan di Jabatan Telekom bermula dari 1 Januari 1992

## Kursus dan Seminar

- 1 **Kursus Pengurusan Rekod**  
Peserta  
Pg Omarali Pg Anak Hashim, Kurator Arkib  
Hj Abd Wahab Jali, Kerani Tkt 1  
Tempat  
Pusat Latihan Pejabat Perjawatan, Jalan Kumbang Pasang  
Tarikh  
25 - 29 Februari 1992  
Anjuran  
Unit Latihan Perjawatan
  
- 2 **Symposium on Plant and tree Propagation**  
Peserta  
Abdullah Hj Abd Wahab, Pegawai Muzium  
Tempat  
Ang's Hotel, Bandar Seri Begawan  
Tarikh  
2 Mac 1992  
Anjuran  
Jabatan Perhutanan Brunei
  
- 3 **Seminar Kebangsaan Etnobotani**  
Peserta  
Zahari Hj Mohd Noor, Pegawai Penyelidik  
Basir Hj Jaafar, Bahagian Etnografi  
Pg Karim Pg Osman, Kurator Arkeologi  
Hj Osman Hj Salleh, Bahagian Arkeologi  
Hj Abd Malik Hj Duraman, Bahagian Arkeologi  
Abdullah Hj Abd Wahab, Pegawai Muzium  
Lalim Hj Muhammad Tali, Bahagian Ilmu kejadian  
Hj Junggal Jumat, Bahagian Ilmu Kejadian  
Lai Huat, Kurator Pemuliharaan  
Tempat  
Dewan Bahasa dan Pustaka, Bandar Seri Begawan  
Tarikh  
20 - 23 Januari 1992  
Anjuran  
ASEAN - New Zealand Inter-institutional Linkages Programmes
  
- 4 **Bengkel Penguatkuasaan Undang-undang Peraturan-peraturan Hutan**  
Peserta  
Hassan Hj Munab, Bahagian Ilmu Kejadian  
Tempat  
Ruman Persinggahan Kerajaan, Bandar Seri begawan  
Tarikh  
4 Mac 1992  
Anjuran  
Jabatan Perhutanan

**Kursus/Seminar (Luar Negeri)**

**AHPADA Workshop for ASEAN Craft Industry/Regional Textiles**

Peserta

Hj Mustafa Hj Ahmad, Ketua PLKPTB  
Hjh Zaliha Hj Badar, Guru Tenunan  
Hjh Markasum Hj Omar, Guru Tenunan

Tempat

Chiengmai, Thailand

Tarikh

26 Januari - 3 Februari 1992

**Basic Professional Management**

Peserta

Husin Budin/Brudin, Pegawai Luar Kesenian

Tempat

Phillippines

Tarikh

13 Februari - 6 Mac 1992

**Persidangan Luar Negeri**

**8th Meeting of the Conference of the Parties to the Convention on International Trade in Endangered Species of the Wild Fauna and Flora**

Peserta

Hj Matussin Omar, Pengarah Muzium-muzium selaku ketua rombongan

Tempat

Kyoto, Jepun

Tarikh

2 - 13 Mac 1992

**Pameran (Luar Negeri)**

**Pameran Konnichiwa ASEAN Fair FY 1991**

Tempat

Nagoya, Jepun

Peserta

Dy Fatimah Hj Mohiddin, Penolong Guru Tenun mewakili  
Brunei Darussalam bagi Pameran Kraftangan (tenunan)

Penyelaras

Kementerian Perindustrian dan Sumber-sumber Utama

**Projek Penyelidikan dan Kerja Lapangan**

**Penyelidikan Burung-burung Migratori (Pendatang)**

Tempat

Pusat Kajian Luar, Belalong, Temburong

Penyelidik

Dr David Wells, Jabatan Zoologi, University Malaya

Tarikh

12 - 22 Januari 1992

**Penyelidikan Mengenai Tekuyong (land snail)**

Tempat

Sungai Rempayoh, Labi, Ulu Belait

Kelolaan

Bahagian Ilmu Kejadian

Tarikh

29 Februari 1992

**Pemerhatian Burung-burung Migratori**

Tempat

Seria

Penyelidik

Dr Marina Wong, Pegawai Zoologi

Kamaruddin Ibrahim, Mini Zoo, Temburong

Tarikh

3 Mac 1992

**Penyelidikan Kesan-kesan Penemuan Artifek Kebudayaan**

Tempat

Kuala Belalong, Ulu Temburong

Kelolaan

Muzium Brunei dengan kerjasama Pusat Penyelidikan Rainforest,

UBD-Royal Geographical Society

Penyelidik

Bantong Antaran, Kurator Etnografi

Pg Karim Pg Osman, Kurator Arkeologi

Hj Osman Salleh, Bahagian Arkeologi

Hj Abd Malik Hj Duraman, Bahagian Arkeologi

Basir Hj Jaafar, Bahagian Etnografi

Tarikh

25 - 28 Februari 1992

## PERKHIDMATAN DAN KEMUDAHAN

- 1 Bahagian Arkib telah melayani permintaan rujukan rekod-rekod lama dari jabatan-jabatan Kerajaan sebanyak 206 buah.
- 2 Unit Mikrofilem telah memberikan khidmatnya dengan membuat salinan sebanyak 3 buah filem yang diperlukan oleh Pusat Sejarah yang bertajuk:
  - 1/ Absolutism and Democracy in the Brunei Revolt
  - 2/ Brunei Revolt December 1962
  - 3/ Utusan Sarawak 31 Januari 1961 - 31 Januari 1963
- 3 Bahagian Perpustakaan telah mencatatkan sebanyak 69 orang penyelidik telah membuat penyelidikan menggunakan kemudahan perkhidmatan yang disediakan oleh Bahagian Perpustakaan.
- 4 Bahagian Ilmu Kejadian telah menerima beberapa siri lawatan sambil belajar ke bahagian tersebut iaitu:
  - Pada 10 Februari 1992, 10 orang guru dari Sekolah Menengah Sufri Bolkiah, Tutong dengan diberikan penerangan dan pertunjukkan kerja-kerja pengawetan burung/binatang dan serangga.
  - Pada 30 Februari 1992, 9 orang penuntut dari Maktab SOAS mengikuti kursus kerja-kerja pengawetan dan membentuk binatang termasuk burung dan serangga selama 16 hari.
  - Pada 3 Mac 1992, 10 orang penuntut dan 3 orang guru dari Maktab Teknik Sultan Saiful Rizal, diberikan penerangan serta menyaksikan kerja-kerja pengawetan.
- 5 Bahagian Ilmu Kejadian juga menerima lawatan dari seorang pakar Herpetologist, Dr Frederick Kraus untuk meninjau kegiatan serta kerja-kerja penyelidikan yang dilakukan oleh bahagian ini.
- 6 Bahagian Arkib juga telah memberikan khidmat ceramah atas undangan dari Unit Latihan Jabatan Perjawatan bagi kursus Kerani-kerani iaitu:
  - Pada 21 Januari 1992, Dy Zaliha Hj Ibrahim dan Dy Raini Hj Md Salleh telah menyampaikan ceramah bertajuk, *Fungsi Arkib dan Pengurusan Rekod* kepada peserta dari Universiti Brunei Darussalam.
  - Pada 20 Februari 1992, Hj Abd Jalil Hj Ghafar, memberikan tajuk ceramah yang sama kepada peserta kursus kerani dari jabatan-jabatan kerajaan.



*Khidmat ceramah mengenai fungsi dan peranan Arkib Negara yang di sampaikan oleh Mohd Zaini Hj Bagul, Penyelia Arkib kepada peserta kursus Pengurusan Rekod bagi pegawai dan kakitangan Kerajaan Bahagian 11 dan 111 anjuran Unit Latihan Pejabat Perjawatan pada 22 Februari 1992*

- 7 Bahagian perkhidmatan Pelajaran bermula awal tahun ini telah mengelolakan beberapa rancangan perkhidmatannya termasuk:
- Khidmt latihan kepada 8 orang penuntut Maktab SOAS bagi mengikuti latihan amali pengawetan binatang dan kaji serangga dengan kerjasama Bahagian Ilmu Kejadian dan diadakan pada setiap hari Selasa dan Khamis bermula dari 2 hingga 20 Ferbruari 1992.
  - Kegiatan Musim Cuti Sekolah yang merupakan rancangan bersama dengan Bahagian Pameran dan Perkhidmatan Teknik bagi kanak-kanak berusia 4 hingga 12 tahun. Projek ini berjalan selama 2 minggu mulai 16 Mac 1992 dan mengandungi aktiviti -aktiviti melukis, mewarna, ruangan pertuturan, kerja tangan dan permainan tradisi. Lebih 100 orang kanak-kanak telah menyertai projek ini.



*Kelihatan Hj Zolkepli Hj Yusof dari Bahagian Perkhidmatan Pelajaran sedang memberikan tunjukcara permainan pasang semasa projek Kegiatan Musim Cuti Sekolah pada bulan Mac lalu*

## KOLEKSI

Sebagai memulakan catitan jumlah koleksi yang diterima bagi tahun 1990/1991 untuk laporan awal tahun 1992 ini, sejumlah 353 bahan-bahan budaya yang diterima dan diperolehi seperti yang tersenarai di bawah ini:

Bil. JENIS BARANG	'90	'91	Jan-Mac 90	Apr-Jun 91	Jul-Sep 91	Okt-Dis 91	JUMLAH SEMUA
1/ Tembikar	6	5				5	11 biji
2/ Tembaga	23	20		2		18	43 biji
3/ Perak Berculup Emas	159						159 biji
4/ Kain	71	4				4	75 bidang
5/ Kayu							
6/ Besi	25						25 biji
7/ Rotan	2						2 biji
8/ Kertas		6	2			4	6 keping
9/ Lukisan	30						30 buah
10/Pandan		2				2	2 biji
Jumlah	316	37					353
11/Hadiah	8	10	2	2	2	4	18 biji

### Koleksi Perpustakaan

Koleksi Buku Am - 11 buah  
Borneo - 2 buah  
Brunei - 87 buah

Koleksi Majalah  
Langganan - 58 tajuk  
Pertukaran/hadiah - 56 tajuk  
Tempatan - 90 tajuk

## Koleksi Ilmu Kejadian

Bahagian Ilmu Kejadian telah menerima berbagai-bagai jenis spesimen yang dihadiahkan untuk koleksi bahagian ini. Muzium Brunei tidak lupa mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada mereka yang telah memberikan sumbangan untuk menambah lagi koleksi Muzium Brunei.

Sumbangan yang diterima bagi bulan Jan - Mac menurut nama-nama Melayu, Inggeris dan Saintifik ialah:

- Burung Pimping (11 ekor) Red-necked Phalarope *Phalaropus lobatus*  
dari Jennifer Elkin
- Basing Plantain Squirrel *Callosciurus notatus*  
dari Hj Balaria Hj Meramit
- Kiking Long-tailed paraket *Psittacula longicauda*  
dari Hj Ahmad Hj Samat
- Tangalong berjalor hitam Banded palm civet *Hemigalus derbyanus*  
dari Mohd Salleh Jihan
- Basing Plantain squirrel *Callosciurus notatus*  
dari John Son Ong
- Ular terbang Twin-barred tree snake *Chrysopelea pelias*  
dari Damit Bakar
- Bayan Malay lorrikeet *Loryculuc galgulus galgulus*  
dari Hj Mohamad Hj Ibrahim
- Kiking Long-tailed parakeet *Psittacula longicauda*  
dari Pg Hj Mat Rais Pg Kula

LAWATAN KENAMAAN

---

*Tuan Fathulla Jameel,  
Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik  
Maldives ketika membuat lawatan ke Muzium  
Brunei pada 21 Februari 1992*



*Kelihatan rombongan TYT Von Van Kier,  
Chairman of the Council of Ministers dari  
Republik Sosialis Vietnam sedang memerhatikan  
permaidani yang dipamerkan di Dewan Kesenian  
Islam di Muzium Brunei pada 29 Februari 1992*



*Lawatan TYT Dr Helmut Schaefer,  
Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri  
Republik Persekutuan Jerman  
pada 3 Mac 1992*



## LIPUTAN KHAS

### Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam kali Ke 8

Pegawai dan kakitangan jabatan ini sekali lagi tidak ketinggalan menyertai perbarisan sempena Sempena Hari Ulang Tahun ke 8 Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam pada 23 Februari 1992 yang telah diadakan di Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Beberapa orang pegawai dan kakitangan jabatan ini telah terpilih diberikan penghormatan untuk ikut serta di upacara melafazkan ikrar Hari Kebangsaan di hadapan beribu-ribu peserta, jemputan dan penonton yang menghadiri rapat raksasa tersebut.



*Kelihatan Pg Hj Murah Pg Hj Damit, salah seorang kakitangan Jabatan Muzium-muzium Brunei ketika mengetuai perlafazan ikrar Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali ke 8*

### Wakil Muzium Johan Qari

Salah seorang peserta dari Jabatan Muzium-muzium Brunei, Pg Hj Mohd Yamin PSJ Pg Hj Abdul Momin telah berjaya menyandang sebagai johan qari di Musabaqah membaca Al-Quraan bagi jabatan-jabatan di bawah Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan pada 26 Mac di Dewan Serbaguna, PLKPTB. Hadir selaku tetamu kehormat di majlis tersebut ialah YB PJP Dato Seri Paduka Awang Hj Hussin, Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan. Dari kejohanan ini, Pg Hj Yamin juga terpilih bagi mewakili KKBS di Musabaqah antara kementerian bagi tahun 1992 nanti. Berita Muzium mengucapkan syabas kepada Pg Hj Yamin dan didoakan semoga berjaya lagi.



## KEGIATAN KERJA BAHAGIAN-BAHAGIAN

### **Bahagian Arkeologi**

- Kerja-kerja pemeliharaan dan pembersihan tapak-tapak purba di kota Batu, Sungai Lumut dan Arang Batu
- Penganalisaan, penjenisan dan pembersihan bahan-bahan koleksi dan kutipan
- Penyelidikan dan penyediaan Laporan
- Pemetaan dan Pengukuran
- Lawatan ke tempat-tempat pembangunan dan tapak purbakala
- Rescue Archaeology di Kota Batu, Muara, Gadong dan Terusan Kupang

### **Bahagian Etnografi**

- Penyelidikan ke atas bahan-bahan budaya
- Pengumpulan data-data dan maklumat bahan-bahan budaya
- Penyediaan Laporan
- Penulisan hasil-hasil penyelidikan
- Pengiringan lawatan kenamaan ke Muzium Teknologi Melayu

### **Bahagian Ilmu Kejadian**

- Kerja-kerja Pengawetan, membentuk binatang/burong dan serangga
- Kerja-kerja pengumpulan spesimen seperti siput dan tekuyong
- Pengawetan basah ikan-ikan dan mengawet kering tumbuh-tumbuhan
- Pendaftaran dan penyimpanan spesimen untuk tujuan pelajaran dan penyelidikan
- Kerja-kerja lapangan dan penyelidikan di daerah Brunei Muara bagi mengenal pasti jenis burung-burung di kawasan Tasik Lama dan Persiaran Damuan
- Menerima lawatan sambil belajar dari sekolah-sekolah

### **Bahagian Arkib**

- Pendaftaran dan pembubuhan label bagi kotak-kotak fail yang telah siap diproses. Rekod-rekod tersebut adalah dari:
  - 1/ Pejabat Daerah Tutong
  - 2/ Jabatan Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan
  - 3/ Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Bandar Seri Begawan
- Pendaftaran pelan-pelan lama
- Rakamam projek sejarah lisan mengenai Perkembangan Sukan di Brunei
- Perkhidmatan Rujukan ke atas rekod-rekod lama dan salinan filem kepada Jabatan Kerajaan dan orang ramai
- Kerja-kerja penggambaran ke mikrofilem bagi buku *Bibliography of English Language Source on Human Ecology. Eastern Malaysia and Brunei Part 1 dan 2*
- Penyemakkan semula filem-filem sebanyak 50 buah

### **Bahagian Perpustakaan**

- Kerja-kerja stock checking buku-buku
- Pemindahan buku-buku Ilmu Kejadian Ke Bahagian Ilmu Kejadian telah dimulakan bagi mengurangkan kesempitan ruang di bilik Perpustakaan

- Pencatitan senarai dan jumlah koleksi Perpustakaan
- Memberikan perkhidmatan rujukan kepada penyelidik-penyelidik
- Bermula awal tahun ini, langganan majalah Bambino, Tempo, Economic and Society, Bulletin of Indonesian Economic Studies dan Interior Design telah diberhentikan
- Lawatan dari rombongan guru-guru Sekolah Menengah Salambigar ke Perpustakaan Muzium Brunei

#### **Bahagian Pemuliharaan dan Pembaikan**

- Antara kerja yang dilakukan sepanjang tiga bulan ialah:
  - Menjilid buku-buku - 136 buah
  - Membaiki buku - 20 buah
  - Menjilid suratkhbar - 20 buah
  - Membuat fail - 150 buah
  - Membuat sijil - 150 keping
  - Membuat kotak - 10 biji
- Kerja-kerja harian seperti membersihkan bahan-bahan yang diterima
- Memeriksa bahan-bahan yang sedang dalam proses pemuliharaan
- Membuat dokumentasi pada bahan-bahan yang diterima
- Membuat kerja-kerja pemuliharaan luar seperti membersihkan kayu yang dijumpai di tapak KB1
- Pemuliharaan menara kelirieng dan meriam besi

## DARI FAIL PENYELIDIKAN

### Penelitian awal tapak arkeologi di Pusat Penyelidikan Rainforest, UBD - Royal Geographical Society, Kuala Belalong Ulu Temburong Bantong Antaran dan Pg Karim Pg Osman

#### **Pengenalan**

Pada bulan Disember 1991 Jabatan Muzium-muzium Brunei telah menerima surat makluman dari Universiti Brunei Darussalam tentang penemuan artifek-artifek kebudayaan di Pusat Penyelidikan 'rainforest,' Universiti Brunei Darussalam - Royal Geographical Society, Kuala Belalong Temburong.

Menyusuli surat ini sebuah rancangan telah dicadangkan untuk menyelidik kawasan tersebut. Walau bagaimanapun penyelidikan agak terlambat sedikit memandangkan terdapat tugas-tugas lain yang dikendalikan oleh Bahagian-bahagian yang terlibat. Setelah perancangan rapi dibuat, pada 25 Februari 1992, lima orang kakitangan Jabatan Muzium-muzium Brunei (terdiri dari Kurator Etnografi, Kurator Arkaeologi, Pegawai Arkeologi Kanan, Pengukur Plan dan Penolong Penyelidik) telah membuat penyelidikan di kawasan tersebut.

Berikut ialah lapuran mengenai dengan hasil penelitian tersebut:

#### **Perjalanan**

Rombongan penyelidikan telah bertolak dari tambatan Bandar menuju ke Temburong dengan menaiki bot tambang. Tiba di Bangar Temburong pada jam 11.30 pagi, disambut oleh seorang Pegawai Pentadbir dari Royal Geographical Society siapa seterusnya membawa rombongan ke Batang Duri dengan kereta yang telah dikhaskan oleh Royal Geographical Society. Dari Batang Duri rombongan meneruskan perjalanan dengan menaiki boat yang dikendalikan oleh tiga orang kakitangan badan disebutkan. Perjalanan ke Belalong menggunakan Sungai Temburong dan seterusnya masuk ke Sungai Belalong. Perjalanan sepanjang kira-kira 7.5 kilometer itu memakan masa tiga jam untuk sampai ke stesyen penyelidikan Universiti Brunei Darussalam - Royal Geographical Society. Perjalanan amat meletihkan kerana air terlalu cetek dan terpaksa berjalan kaki mengikut sungai atau tebing sungai, sementara kakitangan yang mengendalikan perahu menyurung perahu yang digunakan. Kawasan sungai berkeadaan batu-batu yang banyak (karangan) dan licin. Sebahagian kawasan sungai juga mempunyai arus yang deras. Rombongan tiba di Pusat Penyelidikan pada jam 2.50 petang dan disambut oleh Dayang Amanda iaitu Pegawai Perubatan untuk projek Universiti Brunei Darussalam - Royal Geographical Society, juga sebagai 'camp manager.'

#### **Tempat tinggal**

Stesyen Pusat Penyelidikan Universiti Brunei Darussalam - Royal Geographical Society di Belalong ini mempunyai lima unit rumah. Empat daripadanya digunakan sebagai tempat tinggal penyelidik-penyelidik dan kakitangan yang bertugas. Satu unit lagi digunakan sebagai dewan makan dan menyimpan alat-alat logistik. Penyelidik yang tinggal ditempat ini akan dikenakan bayaran sebanyak \$50.00 semalam, termasuk makan, minum dan tambang bot yang membawa penyelidik dari Bandar Seri Begawan ke Belalong.

### **Laporan Etnografi**

Hari pertama di Belalong, rombongan telah dibawa 'jungle tracking' di kawasan Barat Hutan kajian Universiti Brunei Darussalam - Royal Geographical Society dengan dipandu oleh Awang Samhan bin Nyawa, Research Supervisor dari Universiti Brunei Darussalam. Dari pemerhatian yang dibuat tentang keadaan hutan di kawasan tersebut, ia merupakan hutan yang tebal yang jarang dikunjungi oleh pemburu-pemburu binatang hutan. Di kawasan ini tidak kelihatan bekas penempatan manusia.

Hari kedua, rombongan telah bertolak ke tapak penyelidikan. Perjalanan menggunakan 'track' yang telah dibuat oleh Universiti Brunei Darussalam - Royal Geographical Society. Keadaan kawasan bukit dan hutan adalah tebal. Dalam perjalanan dan tidak jauh dari tapak penyelidikan (kira-kira 1 kilometer) sebuah kawasan pokok buah-buahan ditemui. Jenis pokok buah-buahan yang terdapat termasuk: tarap 1 pohon, durian kuning 2 pohon, sepohon daripadanya besar, tebadak 1 pohon, tampoi 1 pohon, langsung 1 pohon dan binjai 1 pohon. Dari penemuan ini, dapatlah disimpulkan bahawa kawasan ini mungkin pernah didiami oleh manusia. Ini juga dapat dibuktikan dengan keadaan sekeliling kawasan tersebut terdapat pokok-pokok bersukatan kecil (secondary jungle) atau kawasan itu mungkin pernah ditebang untuk kegunaan pertanian. Penempatan mungkin dilakukan dalam waktu yang singkat.

### **Tapak**

Terletak kira-kira 1 kilometer dari steysen Pusat Penyelidikan, dan 0.5 kilometer dari kawasan pokok buah-buahan yang disebutkan tadi terdapat satu kedudukan tapak di kaki bukit. Tapak ini berbentuk seperti sebuah busut yang panjang membujur dari utara ke selatan. Pemeriksaan kawasan telah dibuat oleh penyelidik-penyelidik. Beberapa bukti peninggalan arkeologi atau etnografi telah ditemui tidak jauh dari kawasan itu.

Antaranya ialah beberapa biji batu pasir yang telah dibentuk, di kawasan tersebut, pecahan keramik yang berwarna biru dan putih dan sebilah parang yang tidak mempunyai hulu. Kawasan keliling berupa hutan belukar dan mudah dilalui. Kira-kira tiga meter dari tapak tersebut sepohon pokok durian putih telah ditemui. Kulit-kulit buahnya berserakkan yang menunjukkan pokok ini telah berbuah tidak berapa lama dahulu dan pernah dilawati oleh manusia. Di bawah anak bukit sebuah aliran air ditemui, iaitu seperti anak sungai. Ada kemungkinan ianya merupakan sebagai sumber air.

### **Laporan Arkeologi**

Penyelidikan dilakukan di kawasan Lembah Malagangai\* (Malagangai Valley). Lembah ini mempunyai perbezaan yang begitu menarik untuk diselidiki, diantaranya ialah hutan-bakau yang terdapat di kawasan ini adalah terdiri daripada jenis belukar (secondary forest). Pohon-pohon kayu yang hidup di kawasan ini terdiri daripada jenis pohon kayu yang kecil dan rendah. Pohon-pohon kayu hidup dengan subur dan tumbuh berdekatan diantara satu dengan yang lain. Terdapat juga beberapa pohon buah-buahan yang hidup subur di kawasan ini seperti pohon durian dan tarap. Jenis hutan yang terdapat di sini adalah jauh bebeda dengan jenis hutan yang hidup di kawasan-kawasan yang berdekatan (kawasan bakau yang mengelilingi lembah ini). Hutan-hutan yang terdapat di kawasan-kawasan berkenaan adalah terdiri daripada jenis hutan tua (virgin forest). Kayu-kayu hidup subur di atas atau di lereng-lereng bukit dan pohon-pohon kayu adalah terdiri daripada jenis pohon kayu yang besar, lurus dan tinggi seperti kayu kapur, selangan batu, meranti, bulian dan sebagainya.

Perbezaan di antara dua jenis hutan 'secondary' dan 'virgin forest' menunjukkan terdapatnya dua jenis kawasan yang berbeza iaitu satu kawasan yang tidak pernah diganggu oleh kegiatan manusia, manakala satu lagi telah mengalami gangguan manusia pada masa-masa yang silam. Lembah Malagangai adalah kawasan yang paling sesuai sebagai tempat kediaman. Keadaan tanah yang rata memudahkan kerja-kerja membina perumahan, pertanian dan sebagainya. Lembah ini amat sesuai sebagai tempat pertanian memandangkan tanah yang terdapat dikawasan ini adalah subur berbanding dengan kawasan-kawasan bukit yang berdekatan. Keadaan tanah yang rendah juga amat penting bagi aktiviti pertanian kerana di kawasan ini paras air (water level) adalah diparas yang rendah. Kawasan Lembah ini juga ada terdapat saluran anak sungai yang mungkin



digunakan sebagai sumber air bagi kegunaan manusia dan pertanian. Berdasarkan daripada alasan-alasan yang diberikan, tumpuan yang lebih telah diberikan pada Lembah Malagangai berbanding dengan kawasan-kawasan yang lain. Sebelum penggalian dilakukan, kerja-kerja survey telah dibuat dengan melakukan penyelidikan dan pengamatan yang teliti pada kawasan-kawasan yang difikirkan mempunyai potensi mengandungi kesan-kesan tinggalan sejarah. Dari pengamatan yang telah dilakukan, beberapa kawasan didapati mempunyai kesan-kesan tinggalan sejarah, diantaranya dua ketul batu pasir yang telah dibentuk (shaped sandstone blocks) dengan bentuk seakan-akan mempunyai hulu dan sekeping pecahan tembikar jenis biru-putih. Kawasan yang terdapat pecahan tembikar biru putih telah dipilih sebagai penggalian percubaan (trial excavation), memandangkan kawasan berkenaan berbentuk seakan-akan batas (mound) dengan pecahan tembikar diletakkan pada bahagian tengah batas berkenaan.

#### Laporan Penggalian

Objektif penggalian percubaan ini ialah untuk menentukan kedalaman lapisan kebudayaan (cultural layers) dan juga untuk menentukan fungsi tapak berkenaan.

Penggalian dilakukan pada bahagian tengah batas, dengan petak penggalian berukuran 1x1 meter. Ukuran yang dibuat adalah kecil memandangkan kesuntukkan waktu dan juga kekurangan alat-alat keperluan penggalian. Alat-alat penggalian yang digunakan ialah parang, trowel, skop besar dan kecil. Dua lapisan tanah telah ditemui, iaitu berwarna hitam pada bahagian atas permukaan tanah (0-5cms) dan berwarna kuning pada kedalaman 5cms seterusnya. Tidak ada bahan-bahan arkeologi dijumpai sehinggalah pada kedalaman 80 cms, apabila beberapa taburan arang telah ditemui. Penggalian diberhentikan pada tahap kedalaman 90 cms.



**Kesimpulan awal**

Daripada penemuan bahan-bahan budaya seperti dua ketul batu yang telah dibentuk, sebilah parang dan sekeping pecahan tembikar biru-putih, dapatlah disimpulkan yang tapak Lembah Malagangai pernah pada suatu ketika dahulu didiami atau diterokai oleh manusia. Tapak ini berkemungkinan digunakan sebagai tapak pertanian yang dipercayai diusahakan oleh satu atau dua buah kelompok keluarga. Pertanian yang diamalkan adalah menggunakan kaedah pertanian pindah-randah (shifting cultivation). Kaedah seperti ini masih lagi diamalkan, terutama di kawasan-kawasan pendalaman seperti di Daerah Temburong, Tutong dan sebagainya. Apabila hasil tuaian berkurangan, peneroka-peneroka akan meninggalkan ladang-ladang mereka ke tempat yang baru. Ladang-ladang yang telah ditinggalkan akan menjadi belukar, seperti yang telah terjadi di Lembah Malagangai.

Kesan-kesan tinggalan rumah tidak ditemui di kawasan ini dan yang mungkin hanya digunakan sebagai tapak pertanian sahaja. Berkemungkinan pondok sementara telah dibina di kawasan ini yang digunakan untuk menjaga tanam-tanaman daripada gangguan-gangguan binatang dan sebagainya. Bila kali terakhir kawasan ini digunakan untuk tujuan ini walau bagaimanapun masih belum diketahui.

Andaian yang dibuat bukan saja berdasarkan daripada penemuan-penemuan yang telah diterangkan tadi, tetapi ianya juga disokong kuat oleh penggalian arkeologi yang telah dijalankan. Penemuan arang pada kedalaman 80 cms telah menunjukkan yang kawasan ini pernah diganggu oleh kegiatan manusia pada masa-masa yang silam. Sebelum aktiviti pertanian dapat dilakukan, hutan-hutan hendaklah dibersihkan terlebih dahulu seperti penebangan pokok-pokok dan pembakaran yang masih dapat dikesan dengan penemuan taburan arang pada kedalaman 80cms pada petak yang telah digali.

Penyelidikan yang dilakukan adalah terlalu pendek dengan masa yang terhad. Adalah dicadangkan supaya penyelidikan yang lebih lanjut hendaklah diteruskan pada masa-masa yang akan datang. Selain daripada kegiatan penggalian, adalah dicadangkan supaya kaedah ethnoarchaeology dapat digunakan, dimana ianya amat perlu bagi membantu pemahaman kita pada kawasan yang diselidiki.

## DARI MEJA PERSIDANGAN

---

### Laporan ringkas

### Bengkel dan Seminar Tekstil Asian Heritage di Chiang Mai

27 Januari - 3 Februari 1992

Catatan Hj Mustafa Hj Ahmad

#### **Pengenalan**

Bengkel dan seminar Tekstil Warisan Asian adalah merupakan yang pertama sekali diadakan di rantau ini. Ia telah dilangsungkan di Chiang Mai, Thailand bermula dari 27 Januari hingga 3 Februari 1992 di bawah pelaksanaan beberapa buah institusi iaitu:

- 1/ Kementerian Pendidikan Thailand
- 2/ UNESCO
- 3/ The ASEAN Handicraft Promotion and Development Association (AHPADA)
- 4/ The University of Chiang Mai
- 5/ The Chiang Mai Teachers' College

Bengkel dan Seminar ini diadakan mengambil sempena bagi Pembukaan Rasmi dan Penyampaian UNESCO Borubodur Gold Medal kepada pemenang peraduan bahagian Kain Tenunan di negara-negara Asia dan seterusnya mengambil sempena sambutan harijadi Queen Sirikit ke 60 tahun. Menyertai bagi mewakili Negara Brunei Darussalam di Bengkel dan Seminar ini ialah:

- 1 Hj Mustafa Hj Ahmad selaku ketua rombongan
- 2 Hj Zaliha Hj Badar, pemerhati/demonstrasi tenunan
- 3 Hj Markasum Hj Omar, pemerhati/demonstrasi tenunan

#### **Catatan Harian**

##### **26 Januari**

Beberapa persediaan dibuat bagi membawa rumah tenunan dan peralatannya untuk dihantar ke Universiti Chiang Mai melalui Penerbangan Diraja Brunei.

##### **26 Januari**

6.20 petang, rombongan kami berlepas ke Bangkok dan bermalam di Hotel Ambassador.

##### **27 Januari**

Bertolak ke Chiang Mai dengan Thai Airways dan terus menginap di Hotel Princess Royal.

##### **Tengah hari,**

Terus ke Chiang Mai Teachers' College untuk pendaftaran.

Pembukaan rasmi dan beberapa acara sudahpun bermula pada sebelah pagi yang telah dilakukan oleh Gabenor Chiang Mai.

##### **Petang,**

Kertas kerja Filipina, Singapura dan Thailand mula dibentangkan oleh perwakilan masing-masing.

4.30,

Kertaskerja Brunei Darussalam mula dibentangkan yang bertajuk *The Brunei Darussalam Handicraft Industry in Perspective*.

**28 - 29 Januari**

Workshop on financing for ASEAN Craft Development Project dijalankan bermula dari jam 9.00 pagi hingga 5.30 petang.

Lawatan sambil belajar juga dilakukan ke kawasan tenunan secara tradisi yang dikendalikan oleh Mrs Sangda Bansit. Seramai 72 orang yang terdiri dari peserta bengkel ini ikut sama dengan menaiki dua buah bas dan berpeluang menyaksikan penenun-penenun kain cara Thai melakukan kerja mereka bermula dari benang kapas lagi sehingga siap untuk dijual kepada pelancong dan juga rombongan kami.

**30 Januari**

Sessi perbincangan dengan beberapa ahli pemiagaan Thailand diadakan yang terdiri daripada:

- 1/ Ahli-ahli Bank Thailand
- 2/ United Nation Development Project (UNDP)
- 3/ UNESCO
- 4/ The Federation of Thai Industries

Majlis penutupan bagi bengkel ini telah disempurnakan oleh Setiausaha Tetap, Kementerian Industri Thailand.

Pada hari ini juga dimulakan Seminar dan Pameran Tekstil Asia bertempat di Universiti Chiang Mai. Seminar ini dikhususkan bagi membincangkan kaedah dan pemakaian tekstil tenunan/ikat di kawasan Asia termasuk Pakistan, India, Jepun, Laos, Veitnam, Korea, Kemboja, Bhutan, Nepal dan seterusnya negara-negara ASEAN. Projek ini juga dianjurkan oleh UNESCO dengan kerjasama Kementerian Industri Thailand dan Kementerian Pendidikan dan Sukan serta diperbantu oleh Universiti Chiang Mai.

Penyertaan Brunei Darussalam adalah sebagai pemerhati sahaja dan tidak ketinggalan juga mengemukakan kertas kerja tanpa dibaca. Sebanyak 13 buah kertas kerja telah dibentangkan yang berkisar mengenai tekstil dan penghasilannya dari setiap negara peserta seperti Australia, Indonesia, Laos, Perancis, America Syarikat, Vietnam dan ASEAN.

Pameran Tekstil juga diadakan di ruang yang luas berdekatan dengan Perpustakaan Universiti Chiang Mai. Satu pameran khas juga telah diadakan yang mempamerkan berbagai jenis tekstil dan pakaian Queen Sirikit yang merupakan pelopor yang menghidupkan dan memperkembangkan kesenian dan pertukangan asli orang Thailand yang terdiri daripada kaum tani dan peladang. Beberapa pakaian Baginda yang diperbuat daripada kain tenunan Thailand juga telah dipamerkan.

Di ruang bawah pula diadakan Pameran hasil-hasil yang telah dipertandingkan dan mendapat kemenangan di peraduan kain tenunan anjuran UNESCO. Pemenang-pemenang itu pula telah menerima hadiah yang disampaikan oleh Queen Sirikit di satu majlis besar-besaran bertempat di Dewan Sala Thai, Universiti Chiang Mai pada 20 Januari 1992. Semua pemenang juga dianugerahkan Gold Medal Borobodur daripada UNESCO. Pada malamnya pula diadakan majlis persembahan kebudayaan dari negara-negara peserta seperti pertunjukan tarian dengan beraneka jenis pakaian tradisi dan seragam dari berbagai jenis tekstil.

Manakala semasa Pameran Tekstil di Dewan Sala Thai, kami juga telah berkesempatan mempamerkan kain-kain tenunan Brunei bersama-sama dengan negara-negara ASEAN. Pameran kami telah dapat menarik perhatian banyak pengunjung yang mengagumi kehalusan dan mutu tenunan kita.

#### **Penutup**

Adalah tidak dapat dinafikan bahawa kesempatan yang telah diberikan kepada kami bagi menghadiri seminar dan bengkel ini sungguh bermanfaat dan bererti kepada kami. Melaluinya kami telah berpeluang melihat dengan lebih dekat lagi kehalusan dan keindahan kain-kain tenunan yang dihasilkan oleh berbagai bangsa dengan motif dan rekabentuknya yang hampir sama dengan apa yang kita hasilkan. Disamping itu kami jug berpeluang bertukar-tukar pendapat untuk lebih meningkatkan lagi mutu dan penghasilan kain tenunan.

Pada catatan yang ringkas ini kami ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada pihak Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam yang telah menghantar kami ke seminar dan bengkel ini.

*Pendaftaran delegasi yang menghadiri seminar*

*Peserta delegasi Asian setelah kembali daripada lawatan ke bengkel di Utara Chiang Mai, Thailand, masing-masing dengan baktul bekalan 'Lunch'*



*Delegasi dari seluruh Asian yang akan menyampaikan kertas kerja mereka masing-masing*



*Peserta Negara Brunei Darussalam bersama dengan delegasi Malaysia, Singapura, India dan UNESCO di Thailand*



## **RENCANA**

---

### Undang-undang Penyerahan

Fatimah Hj Aji

#### **Definisi Undang-undang Penyerahan**

Undang-undang Penyerahan ataupun 'Legal Deposit' dalam bahasa Inggeris bermakna sebagai suatu kehendak yang dikuatkuasakan oleh satu undang-undang kepada setiap penerbit untuk penyerahan bahan-bahan bercetak di negara ini ataupun diperingkat nasional sama ada bahan itu diterbitkan (dikeluarkan dan disediakan) kepada orang ramai dan kepada sesiapa ianya boleh dijual atau diedar dengan percuma.

#### **Pengertian Bahan Bercetak dan Penerbit**

Bahan bercetak adalah bahan-bahan yang disalin semula dengan menggunakan lithography (process percetakan cap batu); photography (gambar foto); duplikasi dengan menggunakan stensil, mesin stensil dan apa-apa cara teraan mekanik.

Yang dimaksudkan dengan penerbit ialah orang yang bertanggungjawab dalam menerbitkan bahan-bahan yang bercetak tidak kira secara individu, institusi, jabatan-jabatan kerajaan dan swasta.

#### **Mengapakah undang-undang penyerahan ini dibuat.**

Ada beberapa sebab dan tujuan mengapa undang-undang penyerahan ini dibuat.

- 1 Ia bertujuan untuk pengumpulan, pemeliharaan, pengawalan, perlindungan dan pembaikan yang perlu bagi bahan-bahan perpustakaan dan untuk penyelenggaraannya di bawah keadaan-keadaan yang dimaksudkan untuk mengelakkan dan menghalang kerosakan nilai fizikalnya.
- 2 ialah bertujuan untuk penerbitan bibliografi negara diperingkat nasional (National Bibliography). Objektif kedua ini timbul memandangkan bertambahnya kehendak-kehendak maklumat dan bahan-bahan tempatan diperingkat nasional yang semakin pesat penerbitannya.

#### **Isi dan kandungan Undang-undang Penyerahan**

Bahan-bahan yang termasuk dalam Undang-undang Penyerahan adalah dibahagikan kepada beberapa kategori yang tersebut di bawah ini seperti:-

- keseluruhan mengenai terbitan perdagangan termasuklah buku-buku teks dan buku untuk kanak-kanak
- majalah-majalah dan terbitan-terbitan berkala
- terbitan-terbitan buku mengenai dengan Pertubuhan, Persatuan, Kelab, Institusi, Universiti, Majalah sekolah, Penerbitan Journal dan Risalah Jubli termasuklah juga bahan-bahan yang diterbitkan secara rasmi
- setiap cabutan dari buku dan artikel-artikel yang terpisah
- kertas-kertas persidangan
- lapuran tahunan

- Muzik (skor muzik)
- buku-buku art, cetakan dan reproduksi art
- peta termasuk peta jalan untuk pelancang serta iklan serbaguna
- cenderamata serta bukuprogram
- katalog pameran dan katalog niaga dan sebagainya

## Akta Pemeliharaan Buku-buku 1967

Majlis Mesyuarat Negeri Brunei telah meluluskan satu Undang-undang untuk mengadakan syarat-syarat mengenai penyimpanan dan pemeliharaan buku-buku yang dicetak dan diterbitkan dalam Negara Brunei Darussalam.

Undang-Undang ini dinamakan sebagai Undang-undang Pemeliharaan Buku-Buku 1967 dan sekarang dikenali dengan nama Akta Pemeliharaan Buku-Buku 1967 sebagaimana yang disyaratkan dalam Warta Kerajaan Brunei Naskah VI bilangan 3 bertarikh 18 Januari, 1967.

Perpustakaan Muzium-Muzium Brunei berperanan sebagai "Depository Library" bagi terbitan tempatan dan sedang berusaha untuk mengumpulkan karya-karya tempatan. Bahan-Bahan ini nanti berguna untuk bahan bacaan dan rujukan serta menjadi bahan kajian sejarah di suatu masa akan datang.

Bahagian 2 dari Akta Pemeliharaan Buku-Buku 1967 memberi tafsiran Buku-buku adalah seperti berikut:-

*"Buku-buku termasuk setiap bahagian buku-buku; lapuran; risalah; majalah; suratkhobar; lembaran surat bertaip (letterpress); lembaran kertas muzik; peta; pelan; peta perkapalan atau jadual yang disiarkan berasingan, tetapi tidak termasuk sebagai penerbitan buku fail yang kedua atau berikutnya melainkan penerbitan tersebut mengandungi tambahan-tambahan atau perubahan-perubahan sama ada mengenai surat bertaip atau mengenai peta-peta; catatan-catatan atau lain-lain gambar ukiran yang berthabit dengannya."*

Mengikut bahagian 3(1) dari Akta tersebut menyatakan

"Penerbit tiap-tiap buku yang diterbitkan di Brunei Darussalam sama ada untuk dijual atau sebaliknya hendaklah dalam masa sebulan selepas penerbitan itu, menghantar dengan perbelanjaannya sendiri, **tiga(3) naskah buku itu kepada Pengarah. Pengarah yang dimaksudkan disini ialah kepada Pengarah Muzium-Muzium.**"

Akta tersebut itu juga mengandungi data-data mengenai dengan denda yang akan dikenakan kepada setiap pencetak atau penerbit yang gagal menyerahkan hasil cetakannya sebanyak tiga naskah akan dikenakan denda sebanyak 6000 ribu ringgit.

Naskah-naskah yang dikehendaki untuk dihantar menurut bab 3 ceraian (2) iaitu Hendaklah naskah-naskah bagi keseluruhan buku itu beserta semua peta dan gambar yang berthabit dengannya dan mengenai dengan naskah-naskah yang dikehendaki untuk dihantar menurut ceraian (1), hendaklah disiapkan dan diwarnakan secara yang sama seperti naskah sehabis baik bagi buku yang diterbitkan itu dan hendaklah dijilid, dijahit atau disemat bersama-sama, dan dengan menggunakan kertas yang sehabis baik di atas mana buku-buku itu dicetak.

## Koleksi Terbitan Tempatan

Terbitan tempatan yang diserahkan melalui Undang-undang Penyerahan sejak tahun 1967 hingga sekarang adalah sekurang-kurangnya berjumlah 22,650 naskhah buku termasuk majalah, risalah, program dan terbitan berkala.

Bahan-bahan yang diterima akan didaftar di buku khas iaitu Pendaftaran Buku Terbitan Tempatan iaitu mengikut tarikh penerimaannya. Perpustakaan Muzium Brunei tidak mempunyai pendaftaran yang khas bagi mendaftar setiap bahan yang diterima dalam setiap tahun hanya menggunakan nombor selari (Accession number). Nama pengarang, judul buku, penerbit, tempat dan tarikh penerbitan akan dimuatkan dalam pendaftaran tersebut.

Buku-buku yang diterima akan dikatalog, dibubuh kelas nombor, subjek dan sebagainya mengikut Anglo American Cataloguing Rules 2nd. ed. dan Dewey Decimal Classification Edisi 19th dan 20th. ed.

Usaha mengkatalog buku-buku tersebut telah mula berfungsi pada akhir tahun 1980an, dan 'Bibliografi Negara Brunei Darussalam 1990' akan diterbitkan tidak lama lagi. Pada awal tahun 1970, satu usaha telah diungkayahkan oleh Pegawai Perpustakaan ketika itu dengan memuatkan senarai buku yang diterima dari tahun 1967 hingga 1969 dan senarai ini telah dimuatkan dalam *Warta Kerajaan - The subsidiary Legislation of Brunei 1971 mukasurat 146-227* yang mengandungi maklumat seperti judul buku ; pengarang; penerbit; tempat dan tarikh penerbitan; bahasa dan perkara. Usaha ini telah diberhentikan.

## Proses Pengendalian Perkhidmatan "Akta Pemeliharaan Buku-buku 1967"

Perpustakaan Muzium-muzium Brunei mempunyai (6) orang dan kakitangan perpustakaan iaitu terdiri daripada :- Ketua Perpustakaan, 2 orang Pegawai Perpustakaan, 2 Pembantu Perpustakaan serta seorang Atendan Perpustakaan. Pegawai dan kakitangan yang tersebut di atas bertanggungjawab dalam proses pengendalian Akta Pemeliharaan Buku-Buku 1967 seperti berhubung dengan penerbit atau pencetak, mendaftar dan sebagainya disamping membuat kerja-kerja perpustakaan yang lainnya. Tidak ada kakitangan yang khusus ditetapkan dalam urusan atau pengendalian akta ini.

Beberapa Langkah telah diungkayahkan untuk memperkenalkan akta ini seperti:-

- 1 Yang pertama ialah ketahap pemberitahuan kepada orang-orang yang berkenaan di jabatan-jabatan kerajaan dan kementerian-kementerian iaitu dengan cara menghantar surat keliling serta memberi lampiran mengenai salinan Akta tersebut.
- 2 Menghubungi setiap pencetak dan penerbit dan jika perlu pihak Perpustakaan akan datang sendiri ke tempat-tempat yang berkenaan.
- 3 Surat-surat khabar tempatan seperti Pelita Brunei, Borneo Bulletin dan risalah-risalah (Newsletter) dan seumpamanya akan dirujuk sebarang aktiviti yang telah dilakukan di negara umpamanya, seminar, sukan, bengkel-bengkel dan sebagainya.
- 4 Katalog atau senarai bahan-bahan perpustakaan yang diserahkan ke Perpustakaan ini juga dirujuk jika terdapat bahan-bahan yang bercetak dan sebagainya.

- 5 Perpustakaan Muzium-muzium juga berhubung dengan beberapa pencetak yang besar di negara ini seperti Jabatan Percetakan Kerajaan, Star Trading and Printing, Borneo Printers, dan Asia Printers dalam mengungkayahkan pelaksanaan Akta tersebut.

#### Masalah

Untuk mengesan semua terbitan yang telah diterbitkan di negara ini adalah sukar dan menjadi satu masalah bagi pihak Perpustakaan untuk mendapatkannya. Ada beberapa sebab mengapa perkara ini timbul. Antaranya ialah:-

- 1 Pencetak-pencetak kerajaan tidak mencetak kesemua bahan-bahan yang diterbitkan di negara ini, malah terdapat banyak penerbit-penerbit itu sendiri mencetak di institusi, jabatan-jabatan atau swasta masing-masing.
- 2 Sehubungan dengan itu juga jabatan-jabatan kerajaan atau pihak-pihak yang berkenaan kebanyakannya tidak membuat senarai bahan-bahan yang diterbitkan oleh mereka.
- 3 Bahan-bahan bercetak yang khusus untuk dijual begitu terhad. Justeru kekerapan 'Out of Print' berlaku begitu cepat dan sering juga berlaku kehabisan 'stock.' Juga terdapat pihak-pihak yang berkenaan tidak menyedari akan wujudnya akta ini sungguhpun surat-surat keliling sudah diedarkan.

#### Kesimpulan

Mengawal dan memelihara warisan sejarah kita untuk digunakan menjadi bahan penyelidikan pada masa ini dan akan datang. Pihak Muzium juga akan meningkatkan lagi usaha dalam pemeduliaan umum mengenai hal ini.

Apa yang disarankan disini ialah semoga pihak-pihak yang tertentu juga akan bekerjasama dalam menjayakan usaha ini dengan menyerahkan setiap penerbitan yang telah diterbitkan kepada pengarah Muzium-muzium sebagaimana yang disyaratkan dalam akta tersebut.

#### Bibliografi

istilah Perpustakaan Inggeris-Malaysia-Inggeris

Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, 1978.

Mariam Abdul Kadir. 'National bibliography of Malaysia: problems and prospects.' National and academic libraries in Malaysia and Singapore, 1975, p.77-82.

Lee, Judy. 'The Singapore national bibliography problems and prospects.' National and academic libraries in Malaysia and Singapore, 1975, p.83-93.

Lewis, P R. 'The role of bibliographic services in library and information service development,' The development of national library and information services: papers given at the first library Association International workshop, London, 1981, p.51-60.

Preservation of Books Act: chapter 125.' Laws of Brunei Darussalam, vol. VIII chapters 111-132, 1984.

The Printers and Publishers Act 1970. Singapore: National Library Singapore, 1978.

Undang-undang Malaysia Akta 331: Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986.

'Undang-undang no. 3 tahun 1967: Undang-undang pemeliharaan buku-buku 1967. Undang-undang Negeri Brunei, 1967.

SEPINTAS LALU

gambar koleksi Arkib Negara Brunei Darussalam



*Almarhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddin semasa meletakkan Batu Asas Sekolah Menengah Arab Hassanal Bolkih pada hari Khamis 24 September 1964. Bangunan sekolah itu terletak di Batu 1 1/2 Jalan Tutong dengan perbelanjaan sebanyak B\$2 juta dan telah siap pada tahun 1965*

*Rakaman pemandangan Kampong Ayer diambil dari Bangunan Masjid Omar Ali Saifuddin pada bulan Mei, 1956*



gambar koleksi Arkib Negara Brunei Darussalam

## KENANG DIKENANG DILUPA JANGAN

---

'TEKNOLOGI BERKESAN HASIL MENINGKAT' begitulah tema bagi Hari Terbuka Penyelidikan Pertanian di Steysen Penyelidikan Pertanian Birau pada tahun 1989. Tema acara hari itu mencerminkan inspirasi dan matlamat penyelidikan pertanian yang dijalankan oleh Jabatan tersebut bagi mengujudkan teknologi hasil pertanian yang tinggi. Selaras dengan itu, kerajaan juga telah berjaya melahirkan petani-petani muda bagi memaju dan memperkembang luas serta mempelbagaikan bidang pertanian sejak tahun 1975 lagi.

Setelah kita sama-sama menikmati kemajuan di atas, saya telah membuat penyelidikan tentang perkembangan pertanian pada tahun 1940an dan masalah-masalah yang sering dihadapi oleh petani dan peladang pada masa itu. Petikan peristiwa ini diceritakan melalui pengalaman TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ISMAIL semasa beliau berkhidmat di Jabatan Pertanian selama lebih kurang 38 tahun.

" Masalah yang sering dihadapi oleh para petani dulu ialah soal tanah yang keras dan tidak subur disamping parit dan tali air yang belum teratur. Pada masa itu, kami (Haji Ahmad, Enchik Johan dan Enchik Hamidun) baru saja kembali ke tanah air selepas menamatkan kursus pertanian di PUSAT PERTANIAN SERDANG, Semenanjung Malaysia selama setahun lebih. Kami diarahkan bertugas ke kampung-kampung pendalaman bagi menunjuk ajar para petani cara-cara yang betul bertanam padi di samping mengajar mereka membuat tali air dengan bergotong royong. Setelah semuanya berjalan lancar, kami juga menyarankan supaya menggunakan KAPUR bagi menyeimbangkan paras mutu tanah daripada masam dan mengurangkan asid yang berlebihan. Disebabkan mutu tanah itulah membuatkan hasil pendapatan padi hanya berjumlah 200-500 gantang seekar setiap tahun. Di Semenanjung Malaya penghasilan padi seekar 700-800 gantang. Setelah mendengar cadangan kami, Jabatan Pertanian telah membuat penyelidikan dan sanggup membeli 125 ton KAPUR dari Malaya sebagai percubaan ke atas tanah yang seluas lima ekar. Hasilnya sangat memuaskan yang mana kita memperolehi 900 gantang padi seekar. Selain itu percubaan juga telah dibuat ke atas tanaman lain seperti buah-buahan dan sayuran. Di samping itu dengan usaha yang gigih, Jabatan Pertanian juga menanam benih-benih rambutan kahwin yang diimpot dari Kuala Lumpur, Malaysia. Sebelum itu rambutan di Brunei dikenali dengan panggilan Rambutan NGALAU atau rambutan hutan iaitu sejenis rambutan yang tidak *tekubak*'.

Begitulah sedikit petikan daripada pesara di atas yang menghadapi berbagai kesusahan ketika menjalan tugas mereka dalam menunjukajar petani untuk mengeluarkan hasil tanaman yang banyak dan bermutu. Atas kegigihan mereka, kita dapat melihat hasil dari daya usaha mereka itu. Sehingga bertemu dilain keluaran .....

Salam hormat,  
Dk Hajah Khatijah PHAR

## SUDUT PANDANGAN

### Masalah Muzium Dunia

Dalam perjalanan keretapi dari London ke Newcastle, sebuah kota di Utara England, saya duduk berdepanan dengan dua pelajar dari Perancis. Oleh kerana rasa ingin tau mereka bertanya saya dari mana dan buat apa? Mereka menyangka saya dari Chile!. Saya jelaskan semuanya termasuklah kerja saya. Mereka mula mengenalkan diri serta tujuan mereka berada di tanah Inggeris tersebut yang sungguh menarik untuk diceritakan tetapi bukan itu yang sebenarnya saya hendak tulis di sini. Dalam lingkungan umur 20an, mereka adalah pelajar dari Ecole Nationale d' Administration, sebuah sekolah yang terkenal di Paris yang mengeluarkan lulusan yang boleh dikatakan mentadbir negeri Peranchis. Mereka biasanya dianggap sebagai elit yang mengisi jawatan-jawatan terpenting dalam perkhidmatan pentadbiran dan syarikat-syarikat besar di negeri itu.

Mereka secara jujur menyatakan bahawa apabila lulus nanti mereka hendak mencuba muzium. Saya tidaklah mahu menampakkan kekejutan cuma dengan spontan bertanya apa yang menyebabkan mereka sampai berfikir ke situ? Mereka punya kelebihan berbahasa Inggeris dan Itali disamping Peranchis, mengapa tidak tempat-tempat yang lebih mencabar seperti perkhidmatan luar negeri atau syarikat-syarikat multi-nasional? Ya, mengapa Muzium? Aha, inilah soalan yang mereka tunggu-tunggu lebih-lebih lagi berhadapan dengan "orang muzium" seperti saya. Kedua-dua sependapat bahawa muzium memerlukan khidmat mereka! Saya merasa sangsi sama ada muzium berupaya membelanjakan wang untuk hanya membayar khidmat mereka yang sudah tentu melambung ke langit. Kebanyakan muzium pada pandangan mereka tidak efisien. Muzium banyaknya seperti kilang-kilang yang mengalami masalah pengeluaran hasil. Mereka tidak mempunyai idea dan arah yang jelas terhadap apa yang hendak dibuatnya. Begitu juga dengan muzium, ia telah jauh ketinggalan dalam arus perkembangan dunia moden tanpa menggunakan assetnya dengan sebaik mungkin. Contoh ketara ialah bagaimana muzium menguruskan koleksinya. Mereka dengan lantang menyatakan bahawa muzium pada masa ini tidak memikirkan segala koleksinya sebagai asset, tetapi hanyalah sebagai bahan yang apabila diperolehi perlu disimpan dan dipelihara dari sebarang kecurian dan kerosakkan. Sekali lagi, mereka mengambil contoh seperti kilang tekstil dengan gudangnya yang dipenuhi oleh bahan-bahan kainan melebihi penghasilan. Muzium terlalu berpegang kepada kaedah bukan mengaut keuntungan kerana ia bukanlah institusi komersil. Muzium terlalu terbawa-bawa dengan pemikiran bahawa ia adalah institusi akademik. Pegangan seperti ini menyebabkan muzium sentiasa menjadi amator sahaja dan persepi orang ramai melekat begitu selamanya sedangkan muzium itu sebenarnya perlu meningkatkan tahap profesionalismenya jika mahu dipandang tinggi.

Saya tidak kuasa lagi mendengar ceramah seperti ini. Mereka memang punya teori penyelesaian masalah yang dihadapi oleh banyak muzium di dunia ini. Setiap muzium memang mempunyai perkiraannya tersendiri tentang cara yang perlu dan sesuai untuk memajukan muziumnya. Jauh dibenak saya, apabila balik nanti moga-mogalah muzium kita tidak punya masalah tenat yang dihadapi oleh banyak muzium dunia huraian dua gadis jelita Peranchis ini. Saya Lupa meminta alamat mereka, mana tahu nanti muzium kita ini memerlukan khidmat mereka. Tetapi, saya masih meragui si apakah kita sanggup membayar kos perkhidmatan mereka yang tinggi melangit itu....

HMHani